

Dr. Ismail Lutfi: Peranannya dalam Penulisan Tafsir Qur'an di Selatan Thailand

Rorsuedee Salaeh@Rushdi¹

Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman²

Abstrak

Penulisan karya-karya tafsir al-Qur'an terutama dalam bahasa Melayu adalah sangat penting. Setakat ini didapati di Selatan Thailand (Patani) khususnya belum ada karya-karya tafsir al-Qur'an secara lengkap 30 juzuk, namun yang ada hanya pentafsiran mengikut surah-surah pendek sahaja, seperti Tafsir Surah al-Fatihah, Tafsir Surah al-Ikhlash, dan sebagainya. Kegiatan tersebut diusahakan pertama kali oleh Dr. Ismail Lutfi iaitu pada tahun 1979M, beliau berjaya menghasilkan karya sulung dalam bidang pentafsiran al-Qur'an ialah Tafsir Surah al-Fatihah. Justeru, sehingga kini beliau berjaya menghasilkan sebanyak lebih 50 surah (50 karya), seperti Tafsir Surah al-Baqarah, Tafsir Surah al-Ahzab, Tafsir Surah al-Waqi'ah, dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, karya-karya yang telah dihasilkan beliau dijadikan sebagai buku teks di pusat pengajian awam (Majlis Ilmi Fatani), iaitu diadakan pada setiap hari Sabtu dari jam 8:30pg-10:30pg. Walau bagaimanapun, beliau sedang giat meneruskan untuk menghasilkan karya tafsir secara lengkap 30 juzuk atau sebanyak 114 surah dalam tempoh masa terdekat.

Pendahuluan

Kegiatan dalam menghasilkan karya-karya tafsir al-Qur'an sangat memerlukan, terutama pentafsiran mengikut bahasa-bahasa pertuturan umah di seluruh dunia. Pentafsiran al-Qur'an dalam bahasa Arab memainkan peranan yang meluas terutama kepada agama mahupun umat, dalam memberi erti dan maksud ayat-ayat al-Qur'an yang sebenar. Namun tafsiran tersebut hanya dinikmati oleh para sarjana sahaja, adapun orang awam tidak dapat mengerti dan tidak boleh memahami kerana mereka tidak memahami bahasa Arab. Kajian ini ingin mendedahkan tentang peranan seorang sarjana dari selatan Thai (Patani) yang sedang giat menghasilkan karya tafsir al-Qur'an semenjak 30 tahun

¹ Beliau adalah selaku calon PhD di Jabatan al-Qur'an al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

² Beliau adalah selaku Timbalan Pengarah (APIUM), dan pensyarah di Jabatan al-Qur'an al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

yang lalu. Adapun pentafsiran tersebut hasil daripada pusat pengajian awam mingguan yang dinamakan Majlis Ilmi Patani (مجلس العلم فطاني), manakala nama karya tersebut dinamakan dengan Tafsir al-Bayan (تفسير البيان).

Perkembangan Pengajian Tafsir al-Qur'an di Patani

Pengajian tafsir al-Qur'an dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Patani (selatan Thai) secara tidak langsung ia berlaku sejak kedatangan Islam di situ. Pada saya, para muballigh bukan sahaja menyebarkan Islam dan mengajar membaca al-Qur'an, tetapi berkemungkinan juga mereka mengajar tafsir al-Qur'an yang bersesuaian tahap keIslaman dan penerimaan penduduk pada masa itu. Di Patani (selatan Thailand), pengajian tafsir al-Qur'an tidak begitu jelas, kalau adapun yang diajar di institusi pengajian pondok atau sekolah hanya dengan menggunakan buku-buku tafsir dalam bahasa Arab sebagai teks, seperti kitab "*Tafsir al-Jalayn*" dan syarah-syarahnya, "*Tafsir al-Maraghi*" karangan Ustaz Ahmad Mustafa al-Maraghi, "*Tafsir al-Wadiah*" karangan Dr. Muhammad Mahmud Hijazi, dan sebagainya. Untuk sekolah rendah menggunakan tafsir juzu' *'amma*, karangan Abi Luqman, cetakan Kelantan Darul Naim pada tahun-tahun 70an. Ulama-ulama Patani yang banyak menghasilkan penulisan-penulisan ilmiah seperti Syeikh Daud, Syeikh Ahmad, Syeikh Muhammad bin Ismail dan lain-lain lagi seperti mana yang dinyatakan di atas, penulisan mereka hanya tertumpu dalam bidang tauhid, fiqh dan tasawuf, ilmu alat dan sebagainya. Mereka tidak memberi penumpuan dalam bidang tafsir al-Qur'an. Dalam bidang tafsir al-Qur'an, mereka hanya menulis di dalam kitab-kitab tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya sebagai dalil atau huraian kepada masalah-masalah yang dibicarakan.³

Pengajian tafsir al-Qur'an yang disampaikan dan ditekankan oleh ulama Patani, baik di pondok mahupun di sekolah adalah berasaskan ilmu alat. Ertinya, tafsir al-Qur'an berasaskan kaedah ilmu nahu, saraf, balaghah dan sebagainya. Bagaimanapun, pada awal abad ke-15H, berlaku pembaharuan corak pengajian tafsir di Patani. Pembaharuan ini diterokai oleh Dr. Ismail Lutfi Japakia dengan mengadakan pengajian umum yang dikenali sebagai *Maljis al-Ilmi*, bertempat di Masjid Ibadurrahman, Madrasah al-

³ Mohd.Lazim Lawee, Dr.(2009), *Khazanah al-Qur'an dan al-Hadith Nusantara*: Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 248.

Rahmaniah, Beraul, Patani pada setiap hari Sabtu. Pelajaran yang disampaikan ialah tafsir al-Qur'an dan al-Hadith. Di sini jelaslah bahawa pengajian tafsir al-Qur'an di Patani bukan sahaja untuk pelajar-pelajar pondok atau sekolah, tetapi disampaikan secara terbuka kepada umum, bilangan para peserta pada setiap Sabtu, pada tahun 1407H, hanya sekitar 100 peserta, 10 tahun kemudian 3,000 peserta dan kini mencecah angka 5,000 peserta pada setiap minggu. Pentafsirannya, bukan hanya terikat dengan kaedah ilmu alat, tetapi beliau cuba mengimbangkan di antara "*al-Isalat fi al-Tafsir*" dan "*al-Mu^casarat fi al-Tafkir*", iaitu mengimbangkan pentafsiran berasaskan *al-Ma'thur* dengan pemikiran dan tuntutan semasa. Atau dengan kata lain, mengimbangkan di antara pentafsiran secara *al-Riwayah* dengan pentafsiran secara *al-Dirayah*.⁴

Sejarah Penulisan Karya Tafsir al-Qur'an di Patani

Pada abad ke-20 ini pengajian tafsir al-Qur'an telah disampaikan secara meluas. Buku-buku tafsir mula muncul. Kemunculan buku-buku tafsir dalam bahasa Melayu di Patani selatan Thai, tidak sebanyak buku tafsir dalam bahasa Thai yang dihasilkan oleh para ilmuan Islam bahagian tengah negara Thai. Buku Tafsir terulung dalam bahasa Thai ditulis oleh Syeikhul Islam, Thailand, Ust. Tuan Suwanasat. Buku yang ditulis berjudul "*al-Qur'an dan Pengertiannya Dalam Bahasa Thai*", 6 jilid lengkap 30 juzu'. Diikuti dengan "*al-Qur'an dan Pengertiannya*", (hanya sempat separuh al-Qur'an sahaja), karangan Barkat Seyam Wala. Diikuti pula "*al-Qur'an dan Pengertiannya*" 2 jilid lengkap 30 juzu', dihasilkan oleh Ust. Dirik Kul Siri Sawat, dan beliau kemudiannya menulis tafsir "*Bayan al-Qur'an*". Kemudian buku "*al-Qur'an dan Pengertiannya*" 2 jilid lengkap 30 juzu', dihasilkan oleh Ust. Marwan Sama'un. Diikuti pula dengan "*al-Qur'an dan Pengertiannya*" 3 jilid lengkap 30 juzu' yang diusahakan oleh Persatuan Alumni Negara Arab. Diikuti dengan terjemahan buku "*Tafhim al-Qur'an*" karangan Abu al-'Ala al-Mawdudi oleh Banchong bin Kasim sebanyak 8 jilid. Seterusnya terjemahan buku "*Fi Zilal al-Qur'an*" karangan Saiyyid Qutb oleh Sonthoon Malati, hanya sempat 2 jilid awal sahaja. Seterusnya ialah "*al-Qur'an dan Pengertiannya*", 1 jilid lengkap 30 juzu'. Buku terjemahan ini dihasilkan oleh Ust. Syakirin Bunmalord.⁵

⁴ Ibid. h.249-250.

⁵ Ibid. h. 250.

Di Pattani selatan Thailand, perkembangan dalam bidang penulisan tafsir al-Qur'an dalam bahasa Melayu pada abad ke-20M. ini, tidak boleh lupa jasa Dr. Ismail Lutfi Japakia, Rektor Universiti Islam Yala. Sumbangan terbesar dalam bidang ini, selain mengajar di Majlis al-Ilmi, beliau menulis buku "*Tafsir al-Dhikr al-Hakim*" dan "*al-Bayan Mengenai Makna al-Qur'an*". Buku "*Tafsir al-Dhikr al-Hakim*" ditulis sebanyak empat buah, bermula dengan surah al-Fatihah, al-Muzammil, al-Mudaththir dan al-Ikhlas. Tafsir "*al-Dhikr al-Hakim Surah al-Fatihah*" dihasilkan semasa beliau masih belajar di peringkat M.A. di Riyadh, Saudi iaitu pada tahun 1400H/1980M. Tidak berapa lama kemudian, siri-siri pentafsirannya yang disampaikan di Majlis al-Ilmi di Beraol, iaitu "*Tafsir al-Dhikr al-Hakim Surah al-Muzammil*" dihasilkan pada 1407H. dan "*Surah al-Mudaththir*" pula pada 1408. Diikuti kemudiannya tafsir surah al-Ikhlas pada 1417. Manakala tafsir "*al-Bayan Mengenai Makna al-Qur'an*" bermula pada 1416 dengan surah al-Waqi'ah. Diikuti kemudiannya dengan surah-surah pilihan sehingga dewasa ini sampai kepada surah al-Baqarah mencukupi 40 surah semuanya. Buku tafsir ini disediakan sebagai bahan pengajarannya di Majlis al-Ilmi.⁶

Pengenalan Dr. Ismail Lutfi

i. Biodata dan Pengajiannya

Nama lengkap beliau adalah Ismail bin Abdul Rahman bin Abdullatif bin Hasan Chapakia. Dilahirkan di Taman Sofa, kota Mekah, Arab Saudi pada tahun 1950M⁷ dan beliau dikenali dengan Haji Ismail Lutfi. Adapun pengajiannya bermula semenjak kecil, beliau memulai belajar al-Qur'an dengan ibunya sendiri Nik Aminah binti Nik Husen. Beliau kembali ketanah air setelah berumur 6 tahun dan meneruskan pelajarannya di Pondok Padang Ru selama 2 tahun. Kemudian meneruskan pengajiannya ke sekolah

⁶ Ibid. h. 250-251

⁷ Temubual pengkaji dengan Dr. Ismail Lutfi, beliau adalah selaku pengasas dan tuan guru Majlis Ilmi Pattani yang merangkap cancelor Universiti Islam Yala, selatan Thailand pada hari Kamis 29 Mei 2008, jam 8-9 pagi di pejabatnya. Lihat Muhammad Khoya (2007), *Peranan Masjid di Pattani dalam Menyebarkan Dakwah dan Tamadun Islam: Satu Kajian di Masjid Ibad al-Rahman*. Tesis Sarjana, Universiti Prince Songkhla, kampus Pattani, h. 78-81. Dan lihat juga *AnbÉ'(AkhhÉr al-JÉmi'ah)*. unit penerangan Universiti Islam Yala, bil. 44, April 2007, h.7.

rendah kebangsaan⁸ ketika beliau berumur 9 tahun iaitu terus menduduki darjah dua, dan beliau menamatkan darjah empat ketika ber umur 11 tahun sahaja.⁹ Kemudian beliau meneruskan ke sekolah menengah sehingga tamat iaitu selama 3 tahun sebelum melanjutkan pelajarannya ke peringkat sarjana muda di Universiti Islam Madinah pada tahun 1976M. dan melanjutkan ke peringkat sarjana di Universiti Islam Imam Muhammad bin Saud, kota Riyadh, Arab Saudi pada tahun 1980M. sehingga beliau memperolehi ijazah doktor falsafah (Ph.D) di universiti yang sama pada tahun 1986M.¹⁰

ii. Peranannya

Peranan beliau kepada masyarakat antara lain ialah menubuh majlis pengajian awam mingguan iaitu pada tahun 1986M yang dinamakan Majlis Ilmi Fatani. Pengajian tersebut dihadiri oleh seramai 4,000-5,000 orang peserta lelaki mahupun perempuan dari setiap lapisan masyarakat,¹¹ pengajian tersebut diadakan pada setiap hari Sabtu dari jam 8:30pg-10:30pg. Sehubungan dengan itu, beliau berjaya menubuhkan institut pengajian tinggi swasta iaitu pada tahun 1999M yang dinamakan Kolej Islam Yala dan sekarang diberikan taraf oleh kerajaan Thailand sebagai Universiti Islam Yala, ia satu-satunya institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pertama di Thailand yang dimiliki oleh masyarakat Melayu Islam selatan Thailand. Terletaknya di alamat 135/8, Kg. Serung, Daerah Ya'rang 94160, wilayah Pattani. Walau bagaimanapun, ia memperolehi kebenaran secara rasmi dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Thailand dengan nombor pendaftaran: 5/2550, 14 Mithunayun 2550 B.¹²(14 Jun 2007).¹³ Manakala jawatan beliau adalah selaku Canselor di universiti tersebut.¹⁴

⁸ Pada ketika itu sekolah rendah kebangsaan mempunyai hanya 4 darjah sahaja iaitu darjah 1 hingga 4.

⁹ Temubual dengan Dr. Ismail Lutfi, *op. cit.*

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ Muhammad Khoya (2007), *op.cit*, h. 140.

¹² Negara Thailand adalah mempunyai kalender tersendiri iaitu Mukrakhum (Januari) merupa bulan pertama sementara Thanwakhum (Desember) merupakan bulan kedua belas, manakala huruf B adalah huruf ringkas daripada Buddha yang satu-satunya digunakan dalam kalender Siam sehingga sekarang genapnya 2550 tahun Buddha yang bersamaan dengan 2007 Masihi dan 1428 Hijrah.

¹³ Jurnal Universiti Islam Yala (2007), "Sempena Hari Pembukaan Rasmi Universiti Islam Yala" pada 27 Jun 2007, keluaran khas, h.39.

¹⁴ Temubual dengan Dr. Ismail Lutfi, *op. cit.*

Dr. Ismail Lutfi mula menulis semenjak beliau berumur 17 tahun iaitu pada tahun 1967M., antara buku-buku beliau yang berjaya dihasilkan ialah *Ringkasan Sejarah Islam, Sinaran Agama, al-Qiraat wa al-Mutalaat, Perintis Bacaan, dan Tunas Bahasa, Ringkasan Peristiwa Isra' dan Mikraj, Risalah Banjir, Risalah Ukhwah Islamiah, Risalah Qiam al-Layl, Risalah 'Aid al-Fitr dan al-Adhha, Ringkasan Dalil Iktikaf,* dan sebagainya.¹⁵

Penulisannya dalam Bidang Tafsir al-Qur'an

Beliau memulakan penulisan karya tafsir pada tahun 1979M, dinamakan karya tersebut dengan Tafsir al-Zikr al-Hakim (تفسير الذكر الحكيم). Beliau berjaya menghasilkan sebanyak empat surah sahaja iaitu surah al-Fatihah adalah surah pertama, surah al-Muzammil, surah al-Muddathir, dan surah al-Ikhlash. Walau bagaimanapun, beliau meneruskan peranan tersebut dan berjaya menghasilkan karya tafsir pada tahun 1995M. Karya ini dinamakan dengan Tafsir al-Bayan (تفسير البيان), adapun surah pertama karya ini ialah tafsir surah al-Waqi'ah mankala karya yang paling akhir dan terkini ialah tafsir surah al-Baqarah ayat 182-186, siap dicetak pada tahun 2009M (Rabi' al-Thani 1430H). Justeru, pengajian tafsir surah al-Imran sedang giat dijalankan setiap minggu namun karya tentang surah tersebut belum dicetak.¹⁶

Jadual (1): Antara Senarai Karya-karya Tafsir Dr. Ismail Lutfi

No	Nama Karya	c./t.	Tempat Cetak	j./m s
1.	<i>Tafsir al-Zikr al-Hakim: Surah al-FÉtiÁlah</i> (الفاطحة)	1979	t.t.p	
2.	<i>Tafsir al-Zikr al-Hakim: Surah al-Muzammil dan al-Muddathir</i> (المزمل دان المدثر)	1990	Pustaka Aman Press Sdn.Bhd. Kota Bharu, Kelantan	142
3.	<i>Tafsir al-Zikr al-Hakim: Surah al-</i>	1996	t.t.p	

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ Temubual pengkaji dengan Dr. Ismail Lutfi, beliau adalah selaku pengasas dan tuan guru Majlis Ilmi Pattani yang merangkap cancelor Universiti Islam Yala, selatan Thailand pada hari Isnin 27 Disember 2010, jam 8-9 mlm di kediamannya.

	<i>Ikhláṣ</i> (الإخلاص)			
4.	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Wéqī 'ah</i> (الواقعة)	1995	t.t.p	
5.	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah YÉsin</i> (يس)	1996	t.t.p	
6.	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah LuqmÉn</i> (لقمان)	1996	t.t.p	
7.	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-HujurÉt</i> (الحجرات)	1996	t.t.p	
8.	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah IbrÉhÉm</i> (إبراهيم)	1997	t.t.p	
9.	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-QiyÉmat</i> (القيامة)	1997	t.t.p	
10	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah NÉh</i> (نوح)	1998	t.t.p	
11	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah Qaf</i> (ق)	1998	t.t.p	
12	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Qamar</i> (القمر)	1998	t.t.p	
13	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Mu'minÉn</i> (المؤمنون)	1998	t.t.p	
14	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Jin</i> (الجن)	1999	t.t.p	
15	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Mulk</i> (الملك)	1999	t.t.p	
16	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-InsÉn</i> (الإنسان)	1999	t.t.p	
17	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-'Alaq</i> (العلق)	1999	t.t.p	
18	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Qadr</i> (القدر)	1999	t.t.p	
19	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Jumat</i> (الجمعة)	1999	t.t.p	
20	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-MunÉfiqÉn</i> (المنافقون)	1999	t.t.p	
21	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-TaghÉbun</i> (التغابن)	2000	t.t.p	27
22	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-ÙalÉq</i> (الطلاق)	2000	t.t.p	
23	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-TahrÉm</i> (التحریم)	2000	t.t.p	32
24	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-×adÉd</i> (الحديد)	2000	t.t.p	40
25	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-×asyr</i> (الحشر)	2001	t.t.p	
26	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-AízÉb</i> (الأحزاب)	2002	t.t.p	
27	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Mu'Érij</i> (المعارج)	2002	t.t.p	28
28	<i>Tafsir al-Bay'án: Surah al-Baqarat</i> (البقرة)-j.1	2005	Saudara Press, Pattani	1/13

				7
29	<i>Tafsir al-BayĒn: Surah al-Baqarat</i> (البقرة)-j.2	-		
30	<i>Tafsir al-BayĒn: Surah al-Baqarat</i> (البقرة)-j.3	-		
31	<i>Tafsir al-BayĒn: Surah al-Imran</i> (ال-عمران)-j.1	2010	Sedang giat mentafsir tetapi belum dicetak	

Sumber: Meninjau oleh pengaki di kedai buku Majlis Ilmi Patani, Kg.Beraol, Patani pada hari Isnin 27 Desimber 2010. Temubual pengkaji dengan Dr.Ismail Lutfi, pada hari Isnin 27 Desember 2010, jam 8-9mlm.di kediamannya.

Penutup

Selatan Thailand(Patani) khususnya belum ada penulisan karya-karya tafsir al-Qur'an dalam bahasa Melayu secara lengkap 30 juzuk. Namun yang ada hanya pentafsiran mengikut surah-surah pendek sahaja, seperti Tafsir Surah al-Fatihah, Tafsir Surah al-Ikhlash, dan sebagainya. Kegiatan tersebut diusahakan pertama kali oleh Dr.Ismail Lutfi iaitu pada tahun 1979M, beliau berjaya menghasilkan karya sulung dalam bidang pentafsiran al-Qur'an ialah Tafsir Surah al-Fatihah. Walau bagaimanapun, sehingga kini beliau sedang-sedang meneruskan mentafsirkan surah al-Imran. Pada hari ini pengkaji menyeru kepada para sarjana Islam seluruh dunia umumnya dan rantau Asia Tenggara khususnya, terutama mereka yang memiliki sijil-sijil dalam bidang pengajian Islam mahupun bahasa Arab, semoga tingkatkan niat serta usaha proiktif dalam menghasilkan yang paling kurang ialah terjemahan al-Qur'an dan langkah seterusnya dapat menghasilkan satu karya mutiara iaitu tafsir al-Qur'an yang menguna bahasa pertuturan umah terutama tafsir al-Qur'an dalam bahasa Melayu.

Bibliografi

Al-Qur'an Terjemahan bahasa Indonesia(2002), Mujammak Malik Fahd Li al-Mashaf, Madinah Munawwarah, Arab Saudi.

Ahmad Omar Chapakia (2002), *Politik dan Perjuangan Masyarakat Islam di Selatan Thailand 1902-2002*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaya(UKM).

Ibrahim Syukri (2002), *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaya(UKM).

Mohd Zamberi A.Malek (1993), *Umat Islam Patani Sejarah dan Politik*. Shah Alam: Hizbi.

Mohd Zamberi A.Malek (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*. DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ahmad Fathy al-Fatani (1994), *Pengantar Sejarah Patani*. Kedah: Pustaka Darussalam.

Fattani, Ahmad Fathi, al- (2001), *Ulama Besar Dari Pattani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaya(UKM).

Sheikh Wan Ahmad Bin Muhammad Zin, al- (2002), *BasyÉrah al- 'Amilin wa NadhÉrah al-GhÉfilÊn*, Kuala Lumpur: Khazanah Pataniah.

Mustaffa Abdullah (ed), (2009). *Khazanah al-Qur'an dan al-Hadith Nusantara*: Kuala Lumpur.Akademi Pengajian Islam, Universiti Malay

Temubual Dr.Ismail Lutfi, beliau adalah selaku pengasas dan tuan guru Majlis Ilmi Pattani yang merangkap cancelor Universiti Islam Yala, selatan Thailand.